

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 6/1977

MENGADAKAN BUKU-BUKU ALAMAT TUANPUNYA TANAH

Sebagaimana yang telah diterangkan/dinyatakan dalam Pekeliling PTG Kel. Bil. 3/1997 bahawa M.M.K. yang bersidang pada 10.2.77, selepas menimbang Kertas Bil. 3/193/77 (13), telah membuat ketetapan sebagai dasar mengenai pemakaian Sek. 97(I) K.T.N. dalam mana PHT adalah dimestikan mengeluarkan NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG melalui Borang 6A dengan seberapa segera yang boleh selepas tarikh 1hb. Julai. Saya percayai beban kerja mengenai penyediaan dan penyerahan notis ini bukan sahaja melibatkan kerja-kerja yang banyak bahkan terpaksa dibuat melalui proses rumit kerana mengikut Sek. 97(2) K.T.N., notis-notis itu bukan sahaja dikehendaki disediakan bagi tiap-tiap lot tanah yang berkenaan bahkan, selepas diserahkan itu dikehendaki dibuat catitan (endorsed) diatas R.D.T nya. Dan lagi sebagaimana kita sedia maklum Notis-notis Tuntutan itu adalah dikehendaki diserahkan selain dari tuantanah dipersempatkan juga kepada mereka-mereka yang dibawah ini:-

- (a) tuan-tuantanah yan lain yang berkongsi sebagai tuantanah yang berdaftar;
- (b) Pemegang gadau;
- (c) Pemajak atau Pemegang Pajakan Kecil;
- (d) Penyewa
- (e) Pemegang Lien;
- (f) Orang yang memasuki caveat;
- (g) Pemegang Easement.

2. Kajian telah dibuat tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Pejabat-pejabat Tanah mengenai tugas-tugas penyerahan notis dibawah beberapa sek. Dalam K.T.N. Khasnya dibawah Sek. 97 dan 98 K.T.N. dan didapati bahawa salah satu daripada kesulitan ini ialah oleh kerana Pejabat2 Tanah tidak ada menyimpan rekod-rekod yang mengandungi alamat-alamat tuanpunya tanah. Untuk mengatasi kesulitan ini maka pihak Ketua PTG telah mengeluarkan satu Pekeliling bagaimana Pekeliling K.P.T.G. bil. 23/76 yang menasihatkan Pendaftar-Pendaftar dan PHT supaya mengadakan di Pejabat masing-masing buku-buku yang mengandungi alamat-alamat tuanpunya tanah yang berkenaan. Untuk menyenangkan perojokan dan semakan tuan, salinan Pekeliling yang berkenaan itu dikembarkan bersama-sama ini.
3. Melalui Arahan ini PHT adalah diminta mengambil langkah-langkah untuk menyediakan dan menyimpan serta mengemaskinikan (mengup-to-date) buku alamat tuanpunya tanah sebagaimana yang dikehendaki dibuat menurut kehendak Sek. 379 K.T.N. Oleh itu semua PHT adalah dinasihatkan supaya menentukan berapa banyak buku-buku yang dikehendaki itu dan menghantar inden masing-masing terus ke Pejabat Cetak Kerajaan sebaik-baik sahaja percetakan selesai diuruskan.

(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Kelantan.

Kepada:

Semua Ketua-Ketua Jajahan dan Penolong Ketua Jajahan I,
Kelantan.

s.k

YB. Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan..

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri

YB. Pegawai Kewangan Negeri.

Juru Odit Negeri

Pengarah Ukur Kelantan.

Pengarah L.K.T.N. Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

Setiausaha kepada Menteri Besar.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG.KN. 5077(2)

23hb.Meい,1977.